



**LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM
(ATOMIC ENERGY LICENSING BOARD)
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
(Ministry of Science, Technology and Innovation)
Batu 24, Jalan Dengkil,
43800, Dengkil, Selangor**



30 September 2020
Notis Pemberitahuan AELB
Bil. 04/2020

PEMBANGUNAN PANGKALAN DATA DOS PEKERJA SINARAN DI MALAYSIA

TUJUAN

1. Tujuan Notis Pemberitahuan ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan kepada pemegang lesen mengenai pembangunan pangkalan data dos (dedahan sinaran) pekerja sinaran di Malaysia dan tindakan yang perlu diambil oleh pemegang lesen susulan daripada pembangunan pangkalan data tersebut.

LATAR BELAKANG

2. Berdasarkan Peraturan-peraturan Pelesenan Tenaga Atom (Perlindungan Sinaran Keselamatan Asas) 2010 [P.U.(A)46], had bagi dos berkesan seorang pekerja sinaran adalah 20 milisievert (mSv) dalam suatu tahun kalendar. Had dos ditetapkan bagi memelihara keselamatan pekerja dalam memastikan pekerja yang berurusan dengan sinaran mengion tidak menerima dos berlebihan yang boleh memudaratkan kesihatan. Berdasarkan Peraturan 22 P.U.(A)46, pemantauan dedahan sinaran kakitangan hendaklah diukur dengan suatu peranti pemantauan secara berterusan.

3. Pemegang lesen hendaklah bertanggungjawab untuk menguruskan penilaian dedahan sinaran pekerja berasaskan pemantauan kakitangan dengan menggunakan agensi/ syarikat perkhidmatan analisis dos sebagaimana yang diluluskan oleh pihak berkuasa berkenaan. Sehingga kini, terdapat tiga (03) agensi/ syarikat yang memberikan perkhidmatan untuk menganalisis dos yang diterima oleh pekerja sinaran daripada

peranti pemantauan kakitangan yang dipakai oleh pekerja di Malaysia iaitu Agensi Nuklear Malaysia, Alypz Sdn. Bhd. dan Sinaran Utama Teknologi Sdn. Bhd..

KEPUTUSAN

4. Bagi tujuan untuk memusatkan kesemua rekod dos pekerja sinaran di Malaysia dalam satu rekod, Pangkalan Data Dos Pekerja Sinaran di Malaysia sedang dibangunkan oleh AELB. Melalui pangkalan data ini, semua rekod dos pekerja sinaran bagi kedua-dua maksud bukan perubatan dan maksud perubatan, akan dipusatkan dalam satu pangkalan data yang akan diselaraskan dan dipantau oleh AELB.

5. Bagi memastikan kelancaran penyaluran rekod dos pekerja sinaran tersebut, pemegang lesen hendaklah **menghantar peranti pemantauan kakitangan ke agensi/ syarikat perkhidmatan analisis dos selewat-lewatnya 14 haribulan pada bulan berikutnya** agar laporan bulanan dos dapat disediakan oleh agensi/ syarikat perkhidmatan analisis dos dalam tempoh yang bersesuaian.

6. Bagi tujuan penyelarasan rekod di dalam pangkalan data berkenaan, pemegang lesen hendaklah mengemukakan dokumen berikut kepada agensi/ syarikat perkhidmatan analisis dos semasa menghantar peranti pemantauan kakitangan untuk dianalisis:

- a) **salinan slip pekerja sinaran yang mempunyai ID Dos Pekerja¹; dan**
- b) **salinan lesen yang mempunyai nombor lesen pemegang lesen.**

Maklumat ini perlu dikemukakan sekali sahaja bagi pekerja sinaran sedia ada untuk dikemaskini dalam pangkalan data dan hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya **14 Oktober 2020** kepada agensi/ syarikat perkhidmatan analisis dos semasa penghantaran peranti pemantauan kakitangan dilakukan. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat pertambahan pekerja sinaran baharu oleh mana-mana pemegang lesen pada masa akan

¹ ID Dos Pekerja bagi Warganegara Malaysia adalah nombor kad pengenalan, manakala ID Dos Pekerja bagi Bukan Warganegara Malaysia adalah nombor ID khas.

datang, maklumat (a) perlu dikemukakan semasa permohonan peranti pemantauan kakitangan dibuat oleh pemegang lesen bagi pekerja tersebut.

PENGUATKUASAAN ARAHAN

7. Arahan ini adalah berkuatkuasa serta merta.

PENUTUP

8. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai Notis Pemberitahuan ini, sila berhubung dengan AELB menggunakan alamat di bawah.

Unit Komunikasi Korporat (UKK)

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB)

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil, Selangor

No. Tel : +603-89225888 E-mel : corporate@aelb.gov.my

No. Faks : +603-89223685 Laman Web : www.aelb.gov.my